



SIARAN MEDIA

KPKT SALURKAN RM267.76 JUTA UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN SOSIO-EKONOMI NEGERI JOHOR

KOTA TINGGI, 6 September 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumumkan peruntukan sebanyak RM 267,76 juta telah diluluskan untuk negeri Johor semasa siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT pada 5 dan 6 September 2024. Peruntukan ini meliputi pelaksanaan projek-projek pembangunan dan naik taraf infrastruktur awam, pembangunan, perumahan, landskap dan komuniti demi kesejahteraan penduduk setempat.

Peruntukkan tersebut meliputi pelaksanaan **40 projek pembangunan dan naik taraf iaitu sebanyak RM264,257,255.00** dan bantuan kewangan bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan **32 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebanyak RM3,504,647.84** di negeri Johor pada tahun 2024.

Peruntukan KPKT sebanyak RM264,257,255.00 meliputi pelaksanaan projek pembangunan dan naik taraf di negeri Johor seperti berikut :

- i. 10 Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu lapan (8) dalam peringkat pelaksanaan dan dua (2) pembinaan baharu - **RM 114,147,300.00**;
- ii. Dua (2) program naik taraf di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) - **RM19,540,000.00**;
- iii. Lima (5) projek melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) iaitu berkaitan pembinaan baharu, naik taraf balai bomba dan penyelamat serta pembelian bangunan kediaman balai bomba dan penyelamat - **RM 2,661,500.00**;
- iv. Lima (5) projek melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - **RM2,661,500.00**;
- v. Tiga (3) program pembangunan dan naik taraf landskap - **RM 25,938,000.00**;

- vi. Tujuh (7) program melibatkan pengurusan pepejal - **RM 34,164,855.00**;
- vii. Dua (2) projek berkaitan Program Baik Pulih Rumah Di Bandar dan Program Bina Baharu Rumah Di Bandar - **RM1,210,000.00**;
- viii. Tiga (3) program melibatkan Kampung Baru Cina - **RM 18,570,000.00**;
- ix. Dua (2) Kajian Rancangan Tempatan yang melibatkan PBT Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) - **RM 2,000,000.00**; dan
- x. Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) - **RM20,689,600.00**

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), “Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini juga adalah belanjawan berasaskan prestasi atau *“performance-based budget*. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan serta memastikan bahawa setiap projek tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi”.

YB KM dan pasukan KPKT meneruskan jelajah Sentuhan Kasih KPKT pada hari kedua di Johor dengan **meninjau tapak cadangan naik taraf landskap Dataran Bandar Penawar**. Seterusnya YB KM hadir ke **Majlis Penyerahan Kunci Rumah Mesra Rakyat (RMR) Felda Sungai Mas** kepada lima (5) penerima dari Parlimen Kota Tinggi dan Pengerang. Sejak RMR diperkenalkan bermula tahun 2002 sehingga 31 Julai 2024, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah berjaya membina sebanyak 67,684 unit RMR di seluruh negara.

Sebanyak 7,909 unit RMR telah dibina di negeri Johor termasuk 324 unit di Parlimen Kota Tinggi dan 235 unit di Parlimen Pengerang. Menurut YB KM, “Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), SPNB telah berjaya membantu golongan sasar yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri yang selamat dan kondusif”.

Seterusnya YB KM dan pasukan KPKT turut melawat tiga (3) projek pembangunan lain iaitu :

- i. Projek Pelaksanaan Program Perumahan Transit Penjawat Awam Pengerang;
- ii. Projek PPR Kechil Pengerang; dan
- iii. Tapak Pelupusan Pelupusan Sisa Pepejal Bandar Tenggara, Kota Tinggi.

Turut hadir, Ahli Parlimen Pengerang, YB Dato' Sri Azalina Binti Othman Said; Pengerusi SPNB, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Azmi bin Mohd Lila; Timbalan Ketua Polis Negeri Johor, YDH DCP Afandi bin Senin; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang, Puan Hajah Zihan binti Ismail; pengurusan tertinggi KPKT, para pegawai daripada Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor dan pemimpin tempatan.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk memastikan agenda pembangunan nasional dapat dijalankan secara holistik dan sekaligus menawarkan pembangunan berdaya huni kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/ agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my*

